



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSILAN/INOVASI)**

Bilangan 1/2008

Kepada
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit
Dekan-Dekan Fakulti
Pengarah-Pengarah Kampus

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarokatuh

Yang Berbahagia Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

SESI FOTOGRAFI KAJIAN IMPAK UiTM NEGERI

Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Pusat Perancangan Strategik (PPS) sedang menjalankan satu kajian impak menilai kesan kewujudan UiTM terhadap persekitaran, setempat, negeri dan negara. Kajian yang dimaksudkan ialah "**Kajian Impak UiTM Negeri 2007/2008**" yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil.14/2007, pada 20 Jun 2007.

Untuk makluman, Kajian Impak yang dijalankan ini merangkumi kesemua 12 UiTM Negeri. Ia difokuskan kepada Pelajar, Staf, Penduduk, Perniagaan, Kontraktor dan Kerajaan Negeri. Kajian tersebut kini sudah diperingkat analisa data dan dalam proses penulisan laporan (80 peratus siap).

Bagi menceritakan sesuatu peristiwa, rakaman gambar merupakan salah satu elemen yang dapat memberikan bukti kepada keadaan sebenar. Oleh itu, dengan sukacitanya Sekretariat PPS akan menjalankan sesi fotografi untuk setiap 12 UiTM Negeri. Ini merupakan salah satu tanda penghargaan kami terhadap responden yang telah memberikan maklumbalas dan kerjasama yang baik di sepanjang berlangsungnya kajian ini.

Oleh itu, pihak PPS amat berharap agar mendapat kerjasama dan perhatian sewajarnya daripada Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan serta semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

PROFESOR DR RAHMAT MOHAMAD

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pengkomersilan/Inovasi)

Surat Kami: 100-PPS (6/7/2)

Tarikh: 2 Januari 2008